

ALIRAN AL-MUJBIRAH DAN KESAN PEMIKIRANNYA DI MALAYSIA

Oleh:

Wan Z. Kamaruddin bin Wan Ali

Abstract

This article is an attempt to elaborate the development of al-Mujbirah as one of the earliest Muslim sects and also to analyse the influences and impacts of al-Jabariyyah in the Muslim world and in Malaysia.

PENDAHULUAN

Aliran al-Jabariyyah, al-Jabriyyah¹ atau al-Mujbirah² merupakan salah sebuah aliran pemikiran yang terawal dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam. Ia merupakan aliran yang menjadi lawan dan saingan kepada aliran al-Qadariyyah. Walaupun aliran al-Jabariyyah telah hilang, namun pengaruh dan kesan pemikirannya masih wujud dan berkekalan dalam pemikiran umat Islam pada masa kini. Aliran al-Jabariyyah muncul pada akhir zaman pemerintahan Bani Umayyah sebagai hasil daripada persoalan agama yang berkait rapat dengan siyasah Islam (sistem politik Islam) iaitu persoalan kepemimpinan (*Imāmah* atau *Khilāfah*).

Nama al-Jabariyyah adalah berasal daripada perkataan *al-jabr*. Dari segi bahasa, perkataan *al-jabr* bermaksud terpaksa atau tiada kehendak dan kebebasan. Oleh itu, nama al-Jabariyyah adalah berakar umbi kepada perkataan itu yang berkait rapat pula dengan perbuatan manusia (*af'āl al-'ibād*) dan hubungannya dengan perbuatan Allah (*af'āl Allāh*).

Ini kerana umumnya mereka berpendapat Allah adalah Pencipta segala makhluk-Nya termasuklah manusia dan perbuatan-perbuatannya, dan manusia dikatakan tidak mempunyai kehendak dan kebebasan dalam melakukan perbuatannya sama ada sengaja atau sebaliknya. Ringkasnya, manusia dikatakan dipaksa oleh Allah dalam setiap perbuatan.

¹ A.K. Kazi dan J.G.Flynn, "The Jabarites and the Sifatyya," dlm. *Abr al-Nahrain*, E.J.Brill, Leiden, 1969-70, h. 81.

² Al-Rāzī, *I'tiqādāt Firqah al-Muslimīn wa a-Musyrikīn*, al-Qāhirah, 1398/1978, h. 103.

Pada umumnya, aliran al-Jabariyyah dan pemikirannya tidak diterima dan diakui oleh umat Islam kerana fahamannya yang pasif dan negatif. Ini disebabkan mereka memberikan tindakbalas yang bertentangan dengan kehendak dan tuntutan Islam terutama dalam hal-hal yang melibatkan tindakan dan perlakuan pemerintah pada masa itu.

Pada zaman pemerintahan Bani Umayyah, umat Islam menentang mereka kerana dikatakan mereka telah banyak melakukan perubahan kepada Islam meliputi hampir semua aspek kehidupan dan keagamaan, dan ini mendapat reaksi yang hebat di kalangan umat Islam yang cuba bangkit memberontak untuk menumbangkan mereka. Bagaimanapun, di pihak pemerintah terutama Bani Umayyah, mereka begitu kuat mendokong pemikiran al-Jabariyyah yang dikatakan mengambil doktrinnya daripada Ahl al-Salaf. Untuk mengukuhkan pemikiran golongan itu, di samping memenuhi kehendak dan citarasa para pemerintah Bani Umayyah, banyak hadith palsu (*mawḍū'*) dikatakan telah sengaja direka dan diada-adakan.³

Bani Umayyah secara khusus memberikan penekanan dan perhatian yang besar dalam persoalan perbuatan manusia (*af'āl al-'ibād*). Mereka mempertahankan pendapat golongan al-Jabariyyah kerana pendapat tersebut bukan sahaja bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak dan keinginan mereka, bahkan dapat melepaskan dan menyelamatkan mereka daripada tuduhan melakukan perbuatan kezaliman, kekejaman dan penindasan ke atas Islam dan juga kepada umatnya. Serentak dengan itu juga, ia akan dapat menghalang dan mematikan hasrat umat Islam yang tertindas untuk bangun memberontak terhadap kekejaman mereka kerana semua perbuatan yang mereka lakukan adalah dengan kehendak Tuhan dan bukan di atas kehendak mereka sendiri.⁵

Pada peringkat awal zaman Bani 'Abbasiyyah, aliran ini dapat bertahan untuk beberapa waktu. Namun demikian, keadaan itu tidak kekal lama kerana pemikiran mereka tidak selari dengan keterangan kedua-dua sumber wahyu Islam, al-Qur'an dan al-Hadith serta akal yang rasional. Justeru itu, aliran al-Jabariyyah tidak lagi mampu menentang arus pemikiran daripada aliran-aliran lain yang menandinginya.

³ Syed Ameer Ali, *The Spirit of Islam*, London, 1955, h. 412; al-Kanji al-Shāfi'i, *Kifāyah al-Tālib*, h. 471; Sibti ibn al-Jawzi, *Tadhkirah Khawwas al-Ummah*, h. 179; al-Muttaqi al-Hind, *Kanz al-'Ummāl*, VI, h. 39, 36; al-Hākim, *al-Mustadrak*, IV, h. 480; Sulaym, *al-Saqifah*, h. 158; Ibn Abi al-Hadid, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, I, h. 11-12; Muḥibb al-Din al-Ṭabari, *al-Riyād al-Nādirah*, III, h. 105; Abū al-Farj al-Isfahāni, *Maqātil al-Tālibiyyīn*, h. 40; al-Khwarizmī, *Manāqib*, h. 38. Lihat juga: Al-Maqrizi, *al-Nizā' wa al-Takhāṣum fi-mā Bain Banī Hashim wa Banī Umayyah*.

⁵ Lihat W.Z. Kamaruddin, "Pemikiran Za'ba Mengenai Islam," dlm. *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*, (ed.) Wan Abdul Kadir, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 294.

Pada peringkat seterusnya, beberapa perubahan telah berlaku sehingga nama al-Jabariyyah tidak lagi kelihatan dalam ufuk sejarah. Namun begitu, beberapa aspek tertentu daripada pemikiran mereka telah menyerap dan meresap masuk ke dalam beberapa aliran lain dan kemudian disokong oleh tokoh-tokoh pemikirnya seperti aliran al-Sifāṭiyyah, al-Musyābbihah, al-Murji'ah dan sebagainya.

Menerusi ketokohan al-Asy'arī dan aliran al-Asyā'irah, ia menjadi salah satu mazhab akidah kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebenarnya terdiri daripada dua buah mazhab dalam bidang akidah yang membentuk teras dan dasar kepada pemikiran akidah mereka. Kedua-duanya terdiri daripada:

Pertama: Mazhab al-Asy'arī - dikenali di dunia Islam dan Malaysia sebagai al-Asy'ariyyah atau al-Asyā'irah.

Kedua: Mazhab al-Māturīdī - dikenali dalam dunia Islam sebagai al-Māturīdiyyah, tetapi tidak begitu diketahui di Malaysia.

Beberapa pendapat al-Jabariyyah telah menjadi sumber akidah mereka sama ada disadari atau sebaliknya, dan aspek yang paling menonjol adalah berhubung dengan perbuatan Allah dan perbuatan manusia, atau dengan kata-kata lain, persoalan *al-Qadā'* dan *al-Qadr*.

Menurut al-Syahrastānī, aliran al-Jabariyyah terdiri daripada dua golongan:

a. *Al-Jabariyyah al-khālīṣah* (al-Jabariyyah tulen).

b. *Al-Jabariyyah al-mutawassitah* (al-Jabariyyah sederhana).

Al-Jabariyyah al-khālīṣah (al-Jabariyyah tulen) merupakan aliran yang tidak menetapkan perbuatan ke atas seseorang manusia dan pada hakikatnya, manusia itu tidak berkuasa melakukan perbuatan tersebut. Di antara puak-puak kecil dalam aliran ini ialah al-Jahmiyyah, al-Najjāriyyah, al-Dirāriyyah dan al-Bakriyyah. Bagaimanapun, al-Rāzī turut memasukkan al-Kullābiyyah⁶ daripada golongan al-Sifāṭiyyah dalam golongan al-Jabariyyah tulen.⁷

Al-Jabariyyah al-mutawassitah (al-Jabariyyah sederhana) pula menetapkan bahawa pada hakikatnya manusia mempunyai kekuasaan (*al-qudrah*) walaupun ia tidak memberikan sebarang kesan, dan mereka menamakan kekuasaan atau usaha (*kasb*) itu sebagai kekuasaan yang baru (*al-qudrah al-ḥadīthah*). Pendapat tersebut

⁶ Al-Kullābiyyah merujuk kepada aliran yang dipelopori oleh Abū Muhammad bin 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Sa'id bin Kullāb (m.240/855). Lihat: Al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, Mīsr, t.t, II, h. 254-255.

⁷ Al-Rāzī, *I'tiqādāt*, h. 106.

dipelopori oleh al-Asy'arī dan aliran al-Asy'ariyyah⁸ daripada golongan al-Hasyawiyyah.⁹

ALIRAN AL-JAHMIYYAH

Aliran al-Jahmiyyah¹⁰ daripada golongan al-Jabariyyah al-khālīsh merujuk kepada Jahm bin Safwān al-Rāsī, Abū Muhriz¹¹ (m.128/746) dan para pengikutnya di Tirmidh, sebuah kota yang masyhur berdekatan sungai Jayhun.¹² Al-Asy'arī memasukkan Jahm bin Safwān dan aliran al-Jahmiyyah dalam golongan al-Murji'ah¹³ sedangkan menurut al-Malati pula dia dan alirannya termasuk salah sebuah mazhab zindiq (*al-zanādiqah*).¹⁴

Jahm merupakan murid kepada al-Ja'd bin Dirham (m.124/740-1) yang telah dibunuh oleh Khālid bin 'Abdullāh al-Qasrī kerana dikatakan *zindiq* dan *mulhid* (ateis). Al-Ja'd dikatakan orang yang pertama membuat bid'ah dengan mengatakan al-Qur'an adalah makhluk dan Allah pula tidak mempunyai sifat (*ta'tīl Allāh 'an sifāti-hi*).¹⁵ Jahm juga dikatakan seorang penulis (*kātib*) kepada al-Hārith bin Surayj¹⁶ dan turut menyertainya melakukan revolusi menentang Bani Umayyah.

Dari tahun 116/734 sehingga tahun 128/746, al-Hārith telah berjaya menguasai suatu kawasan yang luas di timur Khurasan. Jahm bin Safwān dan para pengikutnya telah dibunuh oleh Silm bin Ahwaz al-Muzānī di Nahawand pada akhir zaman Bani

⁸ 'Abd al-Mun'im al-Hifnī, *Mawsū'ah al-Firaq wa al-Jamā'ah wa al-Madhāhib al-Islamiyyah* al-Qāhirah, 1413/1993, h. 136.

⁹ Al-Syahrastānī, *al-Milal wa al-Nihal*, al-Qāhirah, 1387/1968, I, h. 85; Aḥmad Amin, *Zuhr al-Islām*, IV, h. 96. Menurut al-Asy'arī al-Qummi, al-Hasyawiyyah adalah daripada golongan al-Murji'ah yang terdiri daripada ahli-ahli hadith (*ashhāb al-ḥadīth*) di antara mereka: Sufyān bin Sa'id al-Thawri, Syarik bin 'Abdullāh, Ibn Abī Layfā, Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'i, Malik bin Anas dan pendokong-pendokong mereka. (*Al-Maqālāt wa al-Firaq*, h. 6. Lihat sama: T.H. Weir, "Hasyawiyyah," dlm. *EI(1)*, II, h. 187; A. S. Tritton, *Muslim Theology*, h. 50; 'Abd al-Mun'im al-Hifnī, *Mawsū'ah al-Firaq*, h. 78.)

¹⁰ Abdus Subhan, "Jahm bin Safwan and his philosophy" dlm *IC*, XI, No.2, Hyderabad, h. 221-227.

¹¹ Al-Baghdādī, *al-Farq Bain al-Firaq*, al-Qāhirah, t.t, h. 128; Ibn Ḥazm, *al-Fiṣāl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Nihal*, Maktabah al-Muthannā, Baghdad, t.t, IV, h. 204.

¹² Al-Rāzī, *I'tiqādāt*, h. 104.

¹³ Al-Asy'arī, *al-Maqālāt al-Islāmiyyin wa Ikhtilāf al-Musallīn*, ed. Helmut Ritter, Wiesbaden, 1382/1963, h. 132.

¹⁴ Al-Malati, *Tanbih wa al-Radd 'Alā Ahl al-Ahwā' wa al-Bidā'*, Istanbul, 1936, h. 72.

¹⁵ Al-Syahrastānī, *al-Milal*, I, h. 86

¹⁶ Al-Rāzī, *op.cit*, h. 104.

Umayyah.¹⁷ Dasar gerakan revolusi tersebut dengan Jahm merupakan tokoh terpenting dalam aspek intelektualnya adalah untuk meminta pemerintah Bani Umayyah supaya kembali menuruti dan mengamalkan ajaran dan kandungan al-Qur'an dan al-Hadith. Gerakan ini menurut al-Nawbakhti dianggap sebagai gerakan Murji'ah iaitu Murji'ah Khurasan.¹⁸

Pemikiran al-Jahmiyyah dalam zaman Bani 'Abbasiyyah, terutama selepas zaman penterjemahan karya-karya Greek pada abad ke-2H/8M telah disebar oleh Bisyr bin Ghiyāth al-Mārisī dan generasinya. Ahmad bin Hanbal dan tokoh-tokoh ulama' yang mempunyai pemikiran yang sama dengannya seperti Ibn Qutaybah, al-Asy'ari, Ibn Khuzaymah dan lain-lain merupakan penentang-penentang terawal kepada aliran al-Jahmiyyah.

Menerusi kitabnya, *al-Radd 'ala al-Zanādiqah wa al-Jahmiyyah*, Ahmad bin Hanbal menganggap orang yang mempercayai lafaz (*lafz*) al-Qur'an sebagai *makhlūq* (diciptakan) ataupun menafikan pengetahuan ('ilm) Allah adalah termasuk salah seorang Jahmi. Nu'aim bin Hammād mati di dalam penjara pada tahun 231H/846M kerana menafikan al-Qur'an adalah *makhlūq*.¹⁹ Ahmad bin Hanbal mengaitkan perkembangan aliran ini kepada para pengikut Abū Hanīfah dan 'Amr bin 'Ubayd di Basrah.²⁰

Namun begitu menurut Wensinck, al-Jahmiyyah turut dikritik oleh para pengikut Abū Hanīfah mungkin sebelum kemunculan Bisyr bin Ghiyāth al-Mārisī.²¹ Para pengikut Jahm bin Safwān yang dikenali sebagai al-Jahmiyyah dapat bertahan sehingga abad ke-5H/11M di sekitar Tirmidh, dan kenyataan ini turut sama diakui oleh al-Baghdādī.²² Bagaimanapun, akhirnya sebahagian daripada mereka menganuti akidah al-Asy'ari dan menjadi para pengikut aliran al-Asy'ariyyah daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

¹⁷ Al-Baghdādī, *al-Farq*, h. 128.

¹⁸ Al-Nawbakhti, *Firaq al-Shī'ah*, Najaf, t.t, h. 27; al-Asy'ari al-Qummī, *al-Maqālāt wa al-Firaq*, Tehran, 1963, h. 6.

¹⁹ Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī fī ma nusiba ilā al-Imām Abī al-Hasan al-Asy'arī* Damsyiq, 1347H, h. 383.

²⁰ Ibn Hanbal, *Al-Radd 'ala al-Zanādiqah wa al-Jahmiyyah*, al-Qāhirah, t.t, h. 315.

²¹ A.J. Wensinck, *The Muslim Creed: Its Genesis and Historical Development*, London, 1965, h. 104.

²² Al-Baghdādī, *op.cit*, h. 129.

Pemikiran Aliran al-Jahmiyyah

Di antara dasar-dasar pemikiran aliran al-Jahmiyyah adalah seperti berikut:

1. Allah tidak mempunyai sifat yang azali (*al-sifāt al-azaliyyah*). Mereka tidak mengharuskan Allah diberikan sifat seperti makhluk ciptaan-Nya kerana ia akan memberikan gambaran seolah-olah Allah yang menjadi Pencipta (*Khalīq*) itu sama dengan makhluk ciptaan-Nya (*makhlūq*).²³ Mereka menafikan Allah hidup dan tahu tetapi menetapkan keadaan Allah berkuasa dan juga pelaku perbuatan (*fā'il*) serta pencipta (*khalīq*). Mereka juga menetapkan pengetahuan yang baru (*'ulūm ḥādithah*) kepada Allah.²⁴ Mereka berpendapat Allah tidak boleh dilihat,²⁵ dan bahawa *kalām* (Allah) itu diciptakan (*makhlūq*) dan baru. Mereka juga berpendapat Allah tidak mempunyai wajah,²⁶ pendengaran, penglihatan,²⁷ berkata-kata,²⁸ *istiwa'* di langit²⁹ dan mempunyai tangan.³⁰
2. Berhubung dengan perbuatan manusia (*af'āl al-'ibād*), mereka mengatakan bahawa kekuasaan yang baru (*al-qudrah al-ḥādithah*) bermaksud bahawa manusia tidak berkuasa ke atas sesuatu dan tidak pula mempunyai sifat berkemampuan (*al-istiṭā'ah*). Manusia dipaksa (*majbūr*) dalam setiap perbuatannya.³¹ Perbuatan atau amalan (*al-'amāl*) dihubungkan kepada manusia hanyalah secara simbolik semata-mata.
3. Iman tidak boleh dibahagikan kepada kepercayaan (*'aqd*), perkataan (*qaul*) dan perbuatan (*fi'l*). Dalam persoalan keimanan, setiap orang tidak boleh dilebihkan daripada seseorang yang lain.³² Dengan kata-kata lain, mereka mengatakan keimanan para nabi adalah sama dengan keimanan orang awam.
4. Syurga dan neraka akan musnah dan lenyap (*tabidān tafniyān*).³³

²³ Al-Rāzī, *I'tiqādāt*, h. 104.

²⁴ Al-Syahrastānī, *al-Milal*, I, h. 86; al-Baghdādī, *al-Farq*, h. 128.

²⁵ Al-Malaṭī, *al-Tanbīh*, h. 89.

²⁶ *Ibid*, h. 90.

²⁷ *Ibid*, h. 92.

²⁸ *Ibid*, h. 97.

²⁹ *Ibid*, h. 101.

³⁰ *Ibid*, h. 102.

³¹ Al-Syahrastānī, *op.cit*, I, h. 87.

³² Al-Asy'arī, *Maqālāt*, h. 132.

³³ Al-Syahrastānī, *al-Milal*, I, h. 88; al-Malaṭī, *Tanbīh*, h. 106.

ALIRAN AL-NAJJĀRIYYAH

Aliran al-Najjāriyyah merupakan kumpulan kedua dalam aliran al-Jabariyyah tulen (*al-Jabariyyah al-khāliṣah*). Ia merupakan aliran al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Najjār (m.230H/845M)³⁴ salah seorang tokoh '*ilm al-kalām* yang lahir pada zaman Bani 'Abbasiyyah terutama di bawah pemerintahan khalifah al-Ma'mūn (197H/813 – 218/833M).

Al-Asy'arī memasukkannya dalam golongan al-Murji'ah, manakala al-Syahrastānī pula memasukkannya dalam golongan al-Jabariyyah. Ḥusayn al-Najjār adalah salah seorang murid kepada Bisyr bin Ghiyāth al-Marisi yang bermazhab al-Murji'ah. Ḥusayn al-Najjār seperti juga gurunya, Bisyr mewakili aliran al-Jahmiyyah yang telah mengalami beberapa perubahan dan penyesuaian. Selain itu, mereka juga menamakan kumpulan mereka sebagai al-Ḥusayniyyah mengambil sempena namanya, Ḥusayn bin Muḥammad al-Najjār.

Kebanyakan golongan Mu'tazilah di kawasan Rayy dan kawasan-kawasan sekitarnya dikatakan turut mengikuti aliran al-Najjāriyyah. Oleh kerana itu dikatakan pengaruh pemikiran '*ilm al-kalām* (teologi) Mu'tazilah dalam aliran ini begitu menonjol. Aliran al-Najjāriyyah tersebar di Rayy, Tabaristān dan Jurjān, dan menjadi salah satu daripada empat dasar pemikiran (doktrin) yang terbesar dan terpenting di kawasan-kawasan tersebut dari abad ke-4H/10M.

Aliran ini boleh dibahagikan kepada beberapa puak yang lebih kecil. Di antara puak-puak tersebut adalah:

1. al-Burghuthiyyah - kumpulan pengikut Muḥammad bin 'Īsā yang lebih dikenali sebagai Burghuth. Burghuth pernah diundang ke Baghdad dari Basrah oleh khalifah al-Mu'tasim (218-227H/833-842M) bersama-sama dengan beberapa tokoh '*ilm al-kalām* al-Mu'tazilah dan terlibat dalam kontroversi dengan ketua dan pemimpin golongan Ahl al-Hadith, iaitu Ahmad bin Ḥanbal.
2. al-Za'farāniyyah - kumpulan pengikut al-Za'farān di Rayy.³⁵
3. al-Mustadrikah.³⁶ Menurut al-Rāzī, mereka adalah kumpulan al-Za'farāniyyah juga.³⁷ Kumpulan ini berpecah kepada dua pula:
 - i. Kumpulan I - mendakwa Nabi (s.a.w) mengatakan *kalām* Allah adalah *makhluq*. Sesiapa yang tidak mengatakan demikian adalah kafir.

³⁴ Al-Syahrastānī, *ibid*, I, h. 88.

³⁵ Al-Baghdādī, *al-Farq*, h. 127; al-Malaṭī, *al-Tanbīh*, h. 105.

³⁶ Al-Baghdādī, *ibid*, h. 127.

³⁷ Al-Rāzī, *I'tiqādāt*, h. 105.

- ii. Kumpulan II - mendakwa Nabi (s.a.w) mengatakan *kalām* (kata-kata) Allah bukan *makhlūq* (diciptakan). Namun begitu, pada hakikatnya mereka percaya bahawa kalam Allah adalah *makhlūq* kerana mereka mengatakan bahawa al-Qur'an adalah *makhlūq*.³⁸
4. al-Hafsiyyah³⁹ - Mereka terdiri daripada kumpulan al-Mustadrikah di Rayy.

Pemikiran Aliran al-Najjāriyyah

Di antara asas-asas pemikiran aliran al-Najjāriyyah adalah:

1. Allah berkehendak untuk diri-Nya sendiri - Dialah yang menghendaki (*Murīd*) kebaikan dan kejahatan, manfaat dan mudarat.
2. Allah merupakan pencipta kepada perbuatan manusia sama ada baik mahupun jahat, dan manusia pula adalah pelaku (*muktasib*) kepada perbuatannya itu. Mereka menetapkan kesan dan pengaruh (*ta'thir*) kepada kekuasaan yang baru (*al-qudrah al-ḥadīthah* atau *kasb*) seperti pendapat al-Asy'arī.
3. Mereka menolak pendapat melihat Allah dengan penglihatan mata.
4. Mereka mengatakan *kalām* (kata-kata) Allah adalah baru (*ḥuduth al-kalām*).
5. Iman seseorang itu boleh bertambah tetapi tidak boleh berkurang.⁴⁰

Umumnya, mereka bersependapat dengan Mu'tazilah dalam menafikan sifat ilmu, kuasa, kehendak, hidup, mendengar, melihat (*baṣar*), *ru'yah* dan kedudukan al-Qur'an, dan bersependapat dengan golongan al-Ṣifātiyyah dalam persoalan penciptaan perbuatan (*khalq al-a'māl*) dan kemampuan (*al-istiṭā'ah*).⁴¹ Husayn al-Najjār mengambil pendapatnya daripada Dirār bin 'Amru dalam persoalan penafian sifat Allah. Contohnya, dia mengatakan bahawa Allah sentiasa bersifat pemurah (*lam yazal jawwād*) dan menafikan sifat berkehendak. Teori ini dikatakan bukan berasal daripada Islam, sebaliknya adalah daripada Albinus, tokoh falsafah abad ke-2M dan ide ini dikatakan diketahui oleh tokoh ilmu kalam Islam menerusi karya-karya Plotinus.⁴²

Kelihatan Husayn al-Najjār merupakan salah seorang tokoh '*ilm al-kalām* yang terkemuka. Pendapat-pendapatnya telah mempengaruhi aliran al-Mu'tazilah pada peringkat awal pembentukannya menerusi tentangannya yang kuat terhadap beberapa pendapat yang mereka kemukakan. Pada masa yang sama, pendapat-pendapat Husayn

³⁸ *Ibid*, h. 105.

³⁹ *Ibid*, h. 105.

⁴⁰ Al-Asy'arī, *Maqālāt*, h. 136.

⁴¹ Al-Rāzī, *I'tiqādāt*, h. 104.

⁴² Lihat: 'Abd al-Majīd 'Irfān, *Dirāsāt al-Firaq wa al-Aqā'id*, Baghdad, 1967, h. 15.

al-Najjār turut membuka jalan dan memberikan ruang kepada tokoh-tokoh '*ilm al-kalām* Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah untuk mempertahankan akidah dan kepercayaan (doktrin) mereka berdasarkan hujah-hujah akal yang tidak begitu diketahui oleh mereka sebelumnya.⁴³ Kepercayaan (doktrin) aliran al-Najjāriyyah mulai diketahui umum pada akhir zaman Bani 'Abbasiyyah, khususnya dalam zaman pemerintahan khalifah al-Ma'mun (198-281H/813-833M) dan beberapa doktrin tersebut telah ditemui dalam pemikiran al-Asy'ari dan aliran al-Asyā'irah.

Tokoh-tokoh '*ilm al-kalām* Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah menganggap dan mengakui Husayn al-Najjār sebagai seorang tokoh '*ilm al-kalām*, dan alirannya pula sebagai aliran yang terdekat kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berbanding dengan aliran-aliran lain. Oleh kerana itu, dalam persoalan-persoalan tertentu, pendapatnya diambil dan diterima sebagai akidah oleh al-Asy'ari sendiri.

ALIRAN AL-DIRĀRIYYAH

Aliran al-Dirāriyyah⁴⁴ merupakan aliran para pengikut Dirār bin 'Amru al-Kūfī (m. sekitar 200H/915M) yang muncul pada zaman Wāsil bin 'Atā' (m.131H/749M) pada akhir pemerintahan Bani Umayyah.⁴⁵ Kumpulan ini banyak mengambil pendapat mereka daripada Abū Hanifah dan para sahabatnya.⁴⁶ Dirār dikatakan mempunyai sebuah kitab, *Kitāb al-Tahrisy* yang mengandungi maklumat-maklumat tentang setiap puak (*firqah*) menerusi riwayat yang dikatakan berasal daripada Nabi Muhammad (s.a.w). Bisyr bin al-Mu'tamir atau Abū Sahl al-Hilālī (m.210H/825M) yang merupakan Syaikh al-Mu'tazilah telah menulis *Kitāb al-Radd 'alā Dirār* untuk menyangkal dan menjawab pendapat-pendapatnya.⁴⁷

Pemikiran aliran al-Dirāriyyah

Di antara pemikiran mereka adalah:

1. Allah tidak mempunyai sifat (*ta'tīl Allāh 'an šifāti-hī*). Allah dikatakan hidup (*ḥayyan*), mengetahui (*'alīm*), berkuasa (*qādir*) dengan maksud bahawa Dia bukan mati, jahil, lemah dan bukan juga dengan maksud sifat-sifat itu semuanya kembali kepada zat Allah. Dengan kata-kata lain, mereka berpendapat zat dan sifat Allah adalah berbeza dan berasingan.
2. Mereka menetapkan pancainderah yang keenam (*ḥassah sādisah*) kepada

⁴³ H.S. Nyberg, "al-Najjāriyyah", *El* (2), Leiden, 1993, VII, h. 868.

⁴⁴ Al-Syahrastānī, *al-Milal*, I, h. 90; al-Baghdādī, *al-Farq*, h. 129.

⁴⁵ Al-Baghdādī, *ibid*, h. 129-130.

⁴⁶ Al-Syahrastānī, *op.cit*, I, h. 91; al-Asy'arī, *Maqālāt*, (ed.Helmut Ritter), h. 138-139.

⁴⁷ 'Abd al-Mun'im al-Hifnī, *Mawsū'ah al-Firqah*, h. 283.

orang yang beriman bagi membolehkannya melihat Allah pada hari pembalasan di syurga.

3. Berhubung dengan perbuatan manusia, pada hakikatnya perbuatan manusia diciptakan oleh Allah. Sebenarnya, manusia atau hamba Allah (*'abd*) itu hanyalah berusaha (*muktasib*) semata-mata.⁴⁸

4. Kemampuan (*al-istitā'ah*) adalah sebelum melakukan perbuatan (*al-fi'l*). Pendapat ini menyamai pendapat aliran al-Qadariyyah.

5. Jisim (*jism*) mempunyai sifat-sifat (*a'rād*) yang terdiri daripada warna, rasa, bau dan lain-lain, dan jisim itu tidak dapat lari atau terpisah daripadanya.

Salah seorang daripada pengikut Dirār ialah Hafṣ al-Fard al-Misri yang banyak menulis makalah mengenai doktrin tersebut berdasarkan aliran Dirār. Kebanyakan pengikut menghubungkan diri mereka kepada Hafṣ al-Fard dan Dirār bin 'Amru. Justeru itulah, mereka dikenali dengan nama al-Dirāriyyah.⁴⁹

ALIRAN AL-BAKRIYYAH

Aliran al-Bakriyyah⁵⁰ merupakan aliran para pengikut Bakr, anak kepada saudara perempuan 'Abd al-Wahid bin Zayd⁵¹ yang dikenali sebagai tokoh zuhud (mistik). Dia dikenali sebagai Bakr bin Ziyād al-Bahili. Bakr merupakan salah seorang sahabat al-Hasan al-Baṣri (m.110H/728M) dan hidup sezaman dengan tokoh al-Mu'tazilah, Ibrahim bin Sayyār al-Nazzām (m.231H/845M) dan muncul pada zaman Wāsil bin 'Atā' (m.131H/749M).

Pemikiran aliran al-Bakriyyah

Di antara dasar-dasar pemikiran mereka adalah:

1. Allah boleh dilihat pada hari Qiyamat dengan rupa yang diciptakan-Nya, dan Allah berkata-kata kepada hamba-hamba-Nya dalam rupa tersebut.⁵²
2. Orang yang berdosa besar dianggap munafiq, penyembah syaitan dan akan kekal berada dalam neraka walaupun dia seorang Islam dan beriman (*muslim mu'min*).⁵³

⁴⁸ Al-Syahrastāni, *op.cit*, I, h. 91; al-Baghdādi, *op.cit*, h. 130.

⁴⁹ 'Abd al-Mun'im Hifni, *Mawsū'ah al-Firaq*, h. 284.

⁵⁰ Al-Rāzi, *I'tiqādāt*, h. 106.

⁵¹ Al-Asy'ari, *Maqālāt al-Islāmiyyin*, al-Qāhirah, 1969/1389, I, h. 342.

⁵² Al-Rāzi, *op.cit*, h. 106.

⁵³ 'Abd al-Mun'im al-Hifni, *op.cit*, h. 109.

Pengarang kitab *Sharḥ al-Fiqh al-Akbar*⁵⁴ daripada aliran al-Maturidiyyah mengatakan bahawa aliran al-Asyā'irah atau al-Asy'ariyyah berpegang kepada akidah atau doktrin *al-jabr* walaupun pada tempat lain, dia kelihatan menggunakan nama al-Mujbirah (al-Jabariyyah) daripada golongan al-Jahmiyyah. Sebaliknya, aliran al-Asyā'irah pula menganggap doktrin *al-kasb* (usaha) mereka sebagai titik tengah antara akidah *al-Jabr* dan *al-Qadr*. Mereka mengaitkan dan mengidentifikasikan *al-Jabr* dengan doktrin al-Jahmiyyah.

W.M. Watt mengatakan, dengan bertambahnya kerumitan dalam perdebatan-perdebatan selepas itu mengenai perbuatan manusia, konsep-konsep *al-jabr* dan bahkan *al-kasb* umumnya telah diabaikan dan ditinggalkan.⁵⁵ Al-Mu'tazilah menggunakan nama al-Jabariyyah atau al-Mujbirah untuk merujuk kepada golongan Ahl al-Hadith, para ulama' 'ilm al-kalam al-Asyā'irah dan lain-lain yang menafikan doktrin *al-Qadr* mereka.⁵⁶

Pada masa-masa berikutnya, beberapa aspek pemikiran akidah al-Jabariyyah telah menyerap masuk ke dalam aliran al-Asyā'irah, manakala pemikiran akidah al-Qadariyyah pula memasuki aliran al-Mu'tazilah. Justeru itu, selepas kedua-dua aliran al-Jabariyyah dan al-Qadariyyah mengalami proses perubahan dan perkembangan, polemik dan perdebatan pemikiran di antara kedua-duanya masih tetap berterusan dan berlanjutan. Namun demikian, pada peringkat ini kedua-dua aliran tersebut diwakili oleh golongan al-Asyā'irah dan al-Mu'tazilah.

PERKEMBANGAN PEMIKIRAN AL-JABARIYYAH DI MALAYSIA

Berhubung dengan perkembangan pemikiran Islam di Malaysia, kitab-kitab yang membincangkan persoalan tawhid dan akidah (*'Ilm al-Kalām*) yang menjadi bahan pengajaran para ulama' Melayu dan pembelajaran orang-orang Melayu mulai dari abad ke-7H/13M dan seterusnya sehingga kini pada umumnya adalah bercorak Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan penekanan utama diberikan kepada akidah al-Asy'ari dan para pengikutnya (al-Asyā'irah).

Ini terbukti kerana kebanyakan kitab Jawi ulama' Melayu yang mengupas dan mentafsirkan persoalan *al-Qadā'* dan *al-Qadr* adalah bersumberkan pemikiran ulama'

⁵⁴ *Kitāb Sharḥ al-Fiqh al-Akbar*, Hyderabad, 1321/1903, h. 12.

⁵⁵ W.M.Watt, "Jabriyyah", *EI* (2), Leiden, 1965, h. 365.

⁵⁶ Al-Khayyāt, *al-Intiṣār*, ed. Nader, Beirut, 1957, h. 18, 24, 26; Ibn Qutaybah, *Ta'wīl Mukhtalif al-Hadīth*, Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 96; Ibn al-Murtaḍā, *al-Munyah wa al-'Amal*, ed. Arnold, h. 45, 71.

al-Asyā'irah seperti al-Asy'arī, al-Bāqillānī, al-Baghdādī, al-Syahrastānī, al-Juwaynī, al-Ghazālī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, al-Sanūsī dan lain-lain.⁵⁷

Dalam persoalan *al-Qadā'* dan *al-Qadr* secara khusus, orang-orang Melayu yang berpandukan sumber pemikiran tersebut memahami dan mempercayai bahawa segala sesuatu telah pun ditentukan Allah (s.w.t) dan bahawa takdir itu sama dengan untung, nasib, janji asal dan sebagainya. Apa yang terjadi ke atas orang Melayu (Islam), sama ada baik ataupun buruk dalam segala aspek kehidupan mereka sudah pun ditentukan oleh Allah (s.w.t) sejak dari azali lagi. Kenyataan tersebut tidak boleh diubah dan dipinda lagi kerana nasib atau takdir manusia sudah ditetapkan demikian dan hal tersebut sudah tercatat dan tersurat di *Lauh Mahfuz*.

Pemikiran orang Melayu (Islam) seperti ini mempunyai persamaan dengan pemikiran golongan al-Jabariyyah tetapi berlawanan sama sekali dengan ketetapan dan kehendak Allah dan Islam. Bukan itu sahaja, malahan orang Melayu turut sama mengadakan beberapa pepatah, pepatah dan perumpamaan Melayu seperti rezeki secupak takkan jadi segantang dan kalau bukan rezeki dalam mulut pun jatuh.

Pepatah Melayu tersebut jelas mengandungi unsur-unsur pemikiran dan pengaruh akidah al-Jabariyyah (al-Mujbirah) yang tidak sesuai dan tidak selaras dengan rasionaliti, bahkan secara langsung bertentangan dengan ajaran dan tuntutan Allah (s.w.t) dan Rasulullah (s. 'a.w). Oleh sebab itu, ia merupakan salah satu daripada penyakit-penyakit besar yang dihadapi dan dihadapi oleh orang-orang Melayu (Islam) sehingga menyebabkan mereka tidur, dhaif dan mundur selama berabad-abad lamanya.

Dikatakan pemikiran al-Mu'tazilah kelihatan lebih mudah difahami oleh orang awam walaupun ia tidaklah menepati kebenaran yang dikehendaki Islam sepenuhnya.⁵⁸ Ini kerana al-Mu'tazilah berpendapat manusia sendiri bebas melakukan perbuatannya, sama ada baik ataupun buruk, dengan kuasa dan kekuatan yang Allah berikan kepada mereka. Dengan kata-kata lain, manusia adalah bebas memilih untuk melakukan perbuatannya yang baik mahupun yang buruk. Namun demikian, kitab-kitab Jawi yang dikarang oleh para ulama' Melayu (Islam) umumnya menganggap pemikiran al-Mu'tazilah sebagai menyeleweng, malahan dikatakan bahawa laknat Allah ditimpakan ke atas al-Mu'tazilah.⁵⁹

⁵⁷ *Jawharat al-Tawhīd*, (terj. Ibrāhīm al-Laḡānī), Surabaya, t.t, h. 27; 'Uthmān bin Yahyā bin 'Abdullāh, *Kitab Sifat Dua Puluh*, Pulau Pinang, t.t, h. 17; Ḥusayn Naṣir bin Muḥammad Tayyib, *Uṣūl al-Tawhīd*, Taiping, Perak, 1953, h. 26; *Tuḥfat al-Raghibin fī Bayān Haqīqat al-Īmān al-Mu'minin Wamā Yuḥsidu-hū Min Riddat al-Murtaddin*, Matba'ah Dār al-Ṭibā'ah al-Misriyyah al-Kubra, Singapura, t.t, hh. 12-13.

⁵⁸ Mohd. Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Scholars*, ISEAS, 1983, h. 60.

⁵⁹ *Jawharat al-Tawhīd*, h. 27; Lihat: Mohd Nor Ngah, *ibid*, h. 60.

Kelihatan Daud bin 'Abdullāh al-Fatānī dalam persoalan ini mengambil posisi pertengahan dalam persoalan *al-Qadā'* dan *al-Qadr*. Beliau mengatakan sebahagian perbuatan manusia adalah bebas untuk dilakukan menurut pilihan dan kehendak mereka manakala sebahagian lagi telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t) seperti yang dapat dilihat dalam kehidupan sehari-hari.⁶⁰ Pendapat tersebut lebih menepati keterangan al-Qur'an dan al-Hadith yang sahih kerana kedua-dua perbuatan manusia yang dimaksudkan itu dijelaskan dalam al-Qur'an al-Karim dan juga al-Hadith.

Keterangan dalam al-Qur'an yang menunjukkan kebebasan manusia dalam menentukan perbuatannya sendiri: "*Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri,*"⁶¹ manakala yang menunjukkan kekuasaan Allah sepenuhnya ke atas segala perbuatan manusia: "*dan tiap-tiap manusia itu telah Kami tetapkan amal perbuatannya (sebagaimana tetapnya kalung) pada lehernya.*"⁶²

Keterangan dalam al-Hadith yang memperlihatkan kebebasan manusia adalah seperti:

- i. "*beramallah dengan setiap kesenangan yang diberikan kepadamu.*"⁶³
- ii. "*Setiap bayi yang dilahirkan adalah bersih, maka kedua-dua ibubapalah yang mencorakkan anaknya menjadi seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi.*"⁶⁴

Keterangan al-Hadith yang menunjukkan ketetapan takdir Allah pada azali adalah seperti:

- i. "*Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia beriman dengan qadar baiknya dan jahatnya.*"⁶⁵
- ii. "*Orang yang celaka adalah yang celaka di dalam perut ibunya.*"⁶⁶

⁶⁰ Daud bin 'Abdullāh al-Fatānī, *al-Durr al-Thamīn Pada Menyatakan I'tiqād Segala Orang Yang Mu'min*, Dār al-Mā'arif, Pulau Pinang, t.t, h. 48.

⁶¹ Al-Qur'ān, Sūrah al-Ra'd (13): 11; Lihat juga: Sūrah al-An'am (6): 150, 160; Sūrah Taḥā (20): 15; Sūrah Fāṭir (35): 5; Sūrah Saba' (34): 4.

⁶² Al-Qur'ān, Sūrah al-Isrā' (17): 13; Lihat juga: Sūrah Ghāfir (40): 62; Sūrah al-An'am (6): 101-102; Sūrah al-Safāt (37): 96; Sūrah al-Fāṭir (35): 3.

⁶³ Al-Bukhārī, *Sahīh*, IV, h. 309.

⁶⁴ Ibn Ḥanbal, *Musnad*, Baghdad, 1958, II, h. 185.

⁶⁵ Muslim, *Sahīh*, al-Qāhirah, 1960, II, h.45.

⁶⁶ *Ibid*, II, h. 55.

Kesimpulannya menunjukkan bahawa walaupun aliran al-Jabariyyah (al-Mujbirah) telah lama hilang dari dunia Islam namun pengaruh dan kesan pemikirannya masih wujud dan diwarisi serta diterimapakai oleh majoriti umat Islam masa kini termasuk di Malaysia, tanpa mereka mengetahui dan menyedari bahawa akidah yang mereka anuti itu khususnya falsafah takdir (*al-Qadā' wa al-Qadr*) adalah akidah al-Jabariyyah.

Justeru, dalam konteks perkembangan pemikiran Islam di Malaysia, kelihatan aliran Kaum Tua yang berdasarkan pemikiran aliran al-Asyā'irah (al-Asy'ariyyah) yang merupakan mazhab akidah kepada umat Melayu (Islam) di Malaysia mendapat tentangan yang hebat daripada aliran rasionalis. Tentangan juga turut mereka hadapi daripada aliran Kaum Muda (*Islah, Tajdid* atau Reformis). Polemik tersebut akan tetap berterusan selama perubahan tidak berlaku dalam pemikiran umat Melayu (Islam) di Malaysia secara khusus mahupun di Nusantara secara umum, terutama dalam persoalan tersebut.